



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**SUMBANGAN ZA'BA TERHADAP KESEDARAN AGAMA ISLAM
DAN PENDIDIKAN DI KELANTAN MELALUI MAJALAH
PENGASUH ANTARA TAHUN 1918 HINGGA 1919**

**[ZA'BA'S CONTRIBUTION IN AWARENESS OF ISLAM AND EDUCATION
IN STATE OF KELANTAN IN *PENGASUH* MAGAZINE BETWEEN
THE YEAR OF 1918 TO 1919]**

MOHAMAD FIRDAUS MOHAMAD¹
ENGKU AHMAD ZAKI ENGKU ALWI²
RUHAIZAN SULAIMAN³

¹Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE),
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak,
21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA

²Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA),
Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA

²Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA),
Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA

*Corresponding author: drkuzaki@unisza.edu.my

Received Date: 13 October 2022 • Accepted Date: 26 November 2022

Abstrak

Artikel ini membincangkan mengenai penglibatan Za'ba dalam pembangunan agama Islam dan pendidikan di Kelantan antara tahun 1918 hingga 1919. Fokus utama adalah terhadap sumbangan Za'ba dalam agama Islam dan pendidikan kepada Masyarakat Melayu di negeri Kelantan. Keperibadian dan intelektual yang di pamerkan oleh Za'ba juga menjadi asbab kepada pembangunan agama Islam di negeri Kelantan pada awal abad ke-20. Artikel ini akan memfokuskan antara tahun 1918 hingga 1919 yang menjadi tahun-tahun kemuncak dalam tugasnya sebagai seorang pengarang di negeri Kelantan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang merangkumi pengumpulan dan analisis data daripada sumber-sumber primer yang diperoleh daripada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Kelantan (MAIK) seperti majalah Pengasuh dan naskah al-Quran. Selain itu, sumber sekunder turut digunakan seperti jurnal dan buku bagi mengukuhkan lagi kajian yang dijalankan. Data yang diperolehi akan dianalisis bagi mendapatkan maklumat yang sebenar berkenaan kajian yang dilakukan. Pengkaji akan menggunakan kaedah pendekatan sejarah dengan menggunakan kaedah tema supaya kajian lebih tersusun dan berbentuk analitikal. Hasil kajian mendapati bahawa Za'ba berjaya mengasimilasikan budaya masyarakat Melayu Kelantan melalui majalah Pengasuh dengan

kepentingan menuntut ilmu agama dan pendidikan untuk disertakan bersama dalam setiap pekerjaan yang dilakukan mengikut ketetapan syariat agama Islam.

Kata Kunci: Sumbangan, Za'ba, Pembangunan agama Islam, Pendidikan, Majalah Pengasuh, Kelantan

Abstract

This article discuss the involvement of Za'ba in the development of Islam in state of Kelantan between 1918 to 1919. The main focus is the on the contribution of Za'ba in Islam and education to Malay citizen in Kelantan. The personality and intellectual showed by Za'ba also contribute to the development of Islam in Kelantan in early 20th century. This article will further discuss from the year of 1918 to 1919 which considered as the golden years of his writing profession in Kelantan. This study uses a qualitative method that includes the collection and analysis of data from primary sources obtained from Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Kelantan (MAIK) such a magazine entitled Pengasuh and Al-Quran manuscript. In addition, secondary sources are also uses such as journals and books to further strengthen the study conducted. The data obtain will be analyzed to obtain actual information regarding the study conducted. Reseachers will uses the Historical Approach method by using a theme method to ensure the the study is more structured and analytical. From his writing, we found that Za'ba succeeded in assimilating the culture of Kelantan citizen through a magazine entitled Pengasuh on the importance of seeking Islamic knowledge and education to be included in every job done in accordance of Islamic law.

Keywords: Contribution, Za'ba, development of Islam, Education, Pengasuh Magazine, Kelantan.

Cite as: Mohamad Firdaus Mohamad, Engku Ahmad Zaki Engku Alwi & Ruhaizan Sulaiman. 2022. Sumbangan Za'ba terhadap Kesedaran Agama Islam dan Pendidikan di Kelantan melalui Majalah Pengasuh antara Tahun 1918 Hingga 1919 [Za'ba's Contribution in Awareness of Islam and Education in State of Kelantan in Pengasuh Magazine Between the Year of 1918 to 1919]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23(3): 14-29.

PENGENALAN

Zainal Abidin bin Ahmad adalah pemula terhadap kemajuan dalam bidang pendidikan dan agama Islam. Permulaan terhadap kesedaran agama Islam dan pendidikan di negeri Kelantan sebaik sahaja Majlis Ugama Islam Kelantan (MAIK) pada 24 Disember 1915. Selaras dengan penubuhan MAIK, permerkasaan terhadap agama Islam dapat dilakukan mengikut aturan yang dibawakan oleh Tok Kenali daripada pengalamannya ketika berada di Mekah. Sehubungan dengan itu, penglibatan Za'ba dalam majalah *Pengasuh* semasa penerbitan pada peringkat awal majalah berkenaan antara tahun 1918 hingga 1919. Majalah Pengasuh sebagaimana gambar 1 di bawah:

Rajah 1 Majalah *Pengasuh* Bilangan 18, 1336H

Sumber: Majlis Agama Islam, Kelantan

Pengaruh dan sumbangan Za'ba dalam bidang keagamaan, pendidikan dan kemanusiaan jelas dapat dilihat melalui penulisannya yang diilhamkan daripada pemerhatian semasa dan bandingan daripada bangsa-bangsa lain seperti Cina dan India yang menunjukkan sikap bekerjasama dan bersatu hati pada setiap pekerjaan dan amalan yang dilakukan. Oleh hal yang demikian, penelitian Za'ba dikhususkan pada bangsa Melayu khususnya masyarakat di negeri Kelantan yang dilihat masih lagi mencari rentak dan identiti bangsanya sendiri dalam aspek agama dan pendidikan.

Majalah *Pengasuh* sebagai satu alat perantaraan untuk menyampaikan idea progresif melalui tulisan-tulisan seruan mengenai agama dan pendidikan. Oleh itu, Za'ba antara intelektual yang bergiat aktif dalam seruannya untuk memberi satu perspektif yang baharu dalam pendidikan. Aspek pendidikan dan agama Islam menjadi nadi utama dalam penelitian Za'ba sepanjang penglibatannya dalam majalah *Pengasuh*.

LATAR BELAKANG ZA'BA

Za'ba merupakan seorang tokoh idealis dalam bidang bahasa dan kesusasteraan. Sesuai dengan cara berfikirnya yang kompleks dengan kemelayuan mengenai tingkah laku sosial masyarakat Melayu berkaitan pendidikan, agama dan sosial. Keperibadian yang sederhana dalam sosial membolehkan Za'ba menilai sendiri mengenai pengetahuan masyarakat Melayu dan amalan tradisi secara langsung daripada pemerhatiannya. Penglibatan Za'ba dalam majalah *Pengasuh* memberi ruang yang lebih terbuka untuk meneroka perihal sosial masyarakat Melayu di negeri Kelantan yang dirasakan berguna jika dimanfaatkannya secara praktikal. Ketekunan dalam setiap gerak kerja penulisan berkenaan pembangunan agama Islam, pendidikan sosial menjadi satu kemestian untuk diperjuangkan walaupun bangsa Melayu masih lagi muda dengan pembangunan yang progresif. Perjuangan hakikat sebenar Za'ba adalah pada masyarakat Melayu yang merupakan pelapis kepada generasi akan datang. Za'ba sendiri yang ingin mengangkat martabat Bahasa Melayu dan agama Islam sebagai wadah perjuangannya.

Peranan Za'ba dalam majalah *Pengasuh* menjadi bukti kepada ideanya dalam membangunkan agama Islam dan pendidikan di negeri Kelantan antara tahun 1918 hingga 1919. Salah satu keprihatinannya yang dinyatakan dalam majalah *Pengasuh* adalah “apakah yang lebih-lebih yakin akan membawa seseorang itu sesuatu perhimpunan daripada bangsa manusia ini kepada kejatuhan atau kebinasaan”(Patriot, *Pengasuh* Bil.19). Ketegasan Za'ba jelas dalam memberi ingatan dalam sifat bersatu padu masyarakat Melayu bersama agama Islam akan memberi satu kekuatan spiritual kepada ummah Melayu, sebaliknya pula akan berlaku kerosakan dan kebinasaan jika mempunyai sifat perseteruan yang menebal antara satu sama lain. Pada akal fikiran masyarakat Melayu mungkin tidak memberi kesan kepada sesuatu perkara sebaliknya begitu kepada Za'ba. Keyakinan Za'ba berpaksikan kepada masyarakat Melayu di Kelantan apabila adanya pembangunan agama Islam dan pendidikan sebaik sahaja MAIK dirasmikan pada 24 Disember 1915. Hal ini memberikan Za'ba satu perspektif yang berlawanan melalui penulisannya yang berpandangan secara terbuka dalam membangunkan agama Islam dan pendidikan di negeri Kelantan.

Zainal Abidin bin Ahmad atau Za'ba dilahirkan pada 16 September 1895 yang merupakan putera sulung daripada enam adik beradik. Berketurunan Bugis dan keluarganya menetap di Linggi, Negeri Sembilan. Ayahnya berpegang teguh kepada pengajian ilmu agama daripada didikan datuknya, seorang yang alim dan mempunyai pendidikan tinggi. Za'ba menetap di Batu Kikir, Kuala Pilah tempat asalnya dilahirkan. Za'ba mula menerima pendidikan agama pada usia lima tahun berkenaan al-Quran, hafazan, berzanji dan pengetahuan asas Islam(Rosnani Hashim, 2021). Minat yang tinggi pada ilmu pengetahuan mendorong beliau untuk mendalami ilmu dengan membaca al-Quran di masjid dan memasuki pertandingan al-Quran(Rosnani Hashim, 2021). Kecenderungan Za'ba terhadap ilmu pengetahuan pada usia muda mendorongnya mengenal pasti tentang kelebihan dan kekurangan masyarakat Melayu agar dapat memajukan diri sama seperti bangsa Inggeris. Minat yang mendalam dalam ilmu pengetahuan membolehkan bapanya mula memberi pendedahan awal dalam beberapa bahan bacaan teks sekolah termasuk *Pemimpin Pengetahuan, Pohon Pelajaran, Jalan Kepandaian, Hikayat Siti Zubaidah, Hikayat Abdullah, Hikayat Si Miskin, Hikayat Abu Nawas dan Sejarah Melayu* (Rosnani Hashim, 2021). Za'ba mendapatkan pendidikan formal pada tahun 1907 di sekolah Melayu dan melanjutkan pengajian ke Linggi dalam pengajian bahasa Arab dan agama.

Sebaik sahaja menamatkan pengajian beliau bergiat aktif dalam bidang perguruan dan mengembangkan kemahirannya dalam tatabahasa Arab melalui gurunya Syed Tahir Jalaluddin yang merupakan guru agama (Rosnani Hashim, 2021). Pendedahan yang diperoleh daripada Syed Tahir Jalaluddin mendorong Za'ba mengasimilasikan bakatnya dalam bidang penulisan majalah seperti majalah *Pengasuh* antara tahun 1918 hingga 1919 yang bernaung di bawah pemerintahan kerajaan negeri Kelantan. Penglibatan Za'ba bersama majalah *Pengasuh* berjaya mengubah persepsi masyarakat Melayu mengenai agama Islam dan pendidikan alaf baharu.

SUMBANGAN DALAM AGAMA ISLAM

Kewajipan Berpengetahuan Agama

Kewajipan berpengetahuan agama Islam adalah satu cara berfikir mengenai abstrak tentang limpahan ganjaran mendatang. Satu-satunya yang menjadi punca seseorang meneliti dan memerhati pada agama itu adalah hasil daripada penilaian akal dan fikiran mereka terhadap agama itu sendiri. Penilaian pada hemat kemanusiaan akan membenarkan jihad agama memasuki dalam segenap perbuatan secara lahiriah mahupun insaniah. Ulama menjadi pemegang amanah dalam menjaga "*harta tuhan*" (Ali Shariati, 2017) yang manfaatnya adalah untuk manusia. Keberadaan ulama besar di negeri Kelantan seperti Tok Kenali, Syeikh Daud al-Fatani adalah individu yang berjaya menampilkan idea-idea berkenaan *humanisme* dalam Islam. *Humanisme* dititipkan dalam setiap tingkah laku untuk membolehkan masyarakat memahami setiap perlakuan dengan keutamaan yang diajarkan oleh agama Islam. Za'ba memberi penjelasan berkenaan cara kerja masyarakat Melayu dalam bentuk teologi keimanan seperti kerja-kerja yang mendatangkan hasil dalam memenuhi amar makruf nahi mungkar. Tujuan utama Za'ba adalah untuk membetulkan segala kekurangan atau kelemahan yang ada, menukarkan segala kekolotan fikiran dengan pemikiran yang lebih ideal yang berpandukan al-Quran dan ilmu pengetahuan (Siti Zamirah Isa, *et.al*, 2014).

"Apakah yang lebih-lebih yakin akan membawa seseorang itu sesuatu perhimpunan daripada bangsa manusia ini kepada kejatuhan atau kebinasaan? Kejatuhan pada pandangan manusia dan kejatuhan pada pandangan Tuhan-Nya. Kejatuhan pada hidup ini dan kejatuhan pada hidup yang akan datang maka kepada seseorang yang memikirkan dia tiadalah jawab bagi ini yang lebih hampir daripada "tiada yang lebih-lebih yakin melainkan mengerjakan barang salah dan jahat dan hina dan mengalirkan barang betul dan baik dan mulia" (Patriot, *Pengasuh*, Bil. 19).

Agama Islam sememangnya menuntut umatnya menimba ilmu pengetahuan yang dapat memberi kemajuan kepada diri, bangsa dan agama. Pelajaran agama Islam kepada umat manusia bertujuan untuk melatih supaya menjadi insan yang berdisiplin dalam melakukan dan menilai perkara baik dan jahat. Za'ba memberi penekanan dalam majalah *Pengasuh* dan menyeru kepada masyarakat Melayu supaya mentaati amar makruf nahi mungkar sebaik sahaja bergelar mukalaf. Za'ba juga menyatakan bahawa kesemua perbuatan yang dilakukan itu akan diberikan balas di atas pekerjaan yang dilakukannya (Za'ba, 2018). Ke arah untuk

membangunkan agama Islam di Kelantan, Za'ba menyumbangkan ideanya dalam bentuk penulisan supaya pembaca lebih memahami kehendak sebenar agama Islam. Za'ba menegaskan kepada pembaca bahawa kewajipan menuntut ilmu agama adalah wajib supaya tidak tersalah menafsirkan antara yang benar dengan batil. Akal fikiran yang dikurniakan oleh Allah S.W.T. mengehendaki kita berfikir tentang kejadian-kejadian yang diciptakan oleh Tuhan dan memanfaatkan padanya: “kerana tiap-tiap seorang itu ada mempunyainya fikiran sendiri dan bolehlah bertuhankan fikirannya itu sahaja!” (Patriot, Pengasuh, Bil. 19).

Secara jelas melalui kenyataan ini, manusia itu bebas berfikir dan terikat kepada batasannya dalam agama. Untuk memurnikan fikiran yang pelbagai Za'ba menegur dengan sekeras-kerasnya bahaya akan berfikir tanpa ada batasan agama yang menyebabkan manusia akan berfikir secara rasional tanpa perlu membuat sebarang rujukan mengenai hukum terhadap sesuatu pekerjaan. Za'ba dalam kenyataannya juga berpesan akan akibat jika tidak percaya dan mentaati agama Islam sebagai panduan hidup: “Mereka itu tiada mengambil berat akan agama dan pelajaran-pelajaran agama dan setengah daripada mereka itu tiada percaya akan ada Allah dan tiada percaya akan sebarang apa agama pun “daripada tersangat pandainya”(Patriot, Pengasuh, Bil. 19).

Za'ba menjelaskan daripada pemerhatiannya bahawa manusia yang tidak mempunyai pegangan dalam agama akan mudah terpedaya dan akan menyesatkan haluan kepercayaan terhadap kebesaran dan kekuasaan-Nya. Masyarakat eropah sama sekali tidak percaya akan adanya agama apabila berpaksikan kepada rasional fikiran dan sebab mengapa terjadi sesuatu kejadian. Sungguhpun begitu, Za'ba membuat analogi mudah untuk menjelaskan dan memurnikan kepada pembaca khususnya masyarakat di negeri Kelantan bahawa pendirian sesebuah insan wajib berpandukan agama Islam (Patriot, Pengasuh, Bil. 19). Perkembangan agama Islam di negeri Kelantan didukung oleh para ulama seperti Tok Kenali dengan idea pembaharuan Islam yang progresif melalui majalah *Pengasuh*. Keberadaan ulama besar dapat membantu Za'ba untuk asimilasikan ideanya kepada pembaca mengenai fahaman agama Islam yang sebenar. Melalui gerakan progresif dalam Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) yang berfungsi sebagai penggerak kepada pembangunan bagi agama Islam dan pembangunan kemanusiaan kepada rakyat. Pembangunan agama Islam di negeri Kelantan adalah selari dengan seruan yang dikemukakan oleh Za'ba terhadap kelakuan, penerimaan dan pemahaman masyarakat Melayu Kelantan tentang agama Islam (Muhammad Yusuf Kenali, Bil. 8). Penerapan fahaman agama Islam yang menyeluruh daripada institusi MAIK akan memberikan satu impak besar kepada masyarakat Melayu tentang panduan kehidupan beragama yang lebih sistematik. Perkembangan majalah *Pengasuh* memberi ruang kepada Za'ba dalam memerhatikan corak kehidupan masyarakat Melayu di Kelantan terutamanya dalam budaya dan amalan seharian.

Za'ba menegaskan lagi dalam kenyataannya: “maka sebab itulah didatangkan oleh Allah Taala akan agama dan diaturnya baik jahat dan salah betul dengan aturan yang terang yang tiada boleh dihibab lagi” (Muhammad Yusuf Kenali, Bil. 8). Memurnikan peraturan-peraturan adalah salah satu hal yang susah untuk difahamkan kepada manusia, maka pada hemat Za'ba menjelaskan pada sisi teologi dengan mengelaskan tentang aturan-aturan kehidupan bersandarkan Islam adalah menjadi pekerjaan baginya agar dapat difahami oleh masyarakat Melayu dengan lebih jelas. Aturan Islam mengenai hal yang baik jahat dan salah betul itu adalah untuk membezakan antara bekas-bekas yang dapat diisi dengan pahala dan dosa sebanyak mana

yang dimahukannya seperti mana berkebun di dunia dan menuainya di akhirat bagi hasil yang diusahakannya.

Penelitian Za'ba dalam aturan kehidupan menjadi titik tolak kepada masyarakat Melayu untuk patuh kepada agama Islam selain mengambil kira peranan sosial dalam strata Melayu. Sosialisme dan agama Islam adalah saling berkait antara satu sama lain yang membolehkan sosialisme diasimilasikan oleh masyarakat Melayu sepanjang bergelar mukalaf. Agama adalah pengantara antara Tuhan dengan manusia, agama juga memerintah akal manusia untuk berkelakuan seperti yang dimahukan. Agama Islam adalah panduan hidup yang lengkap dengan tatacara kehidupan beragama sebagai seorang manusia yang akan mentaati kehendak-Nya. Peraturan yang dirasakan membebankan pada manusia itulah yang memberikan ganjaran besar buatnya di akhirat. Kepatuhan pada kelakuan, ketaatan dan perintah agama akan menghendakkan manusia itu sedar tentang tujuan utama manusia diciptakan oleh Tuhan: "maka sungguhpun ada berapa banyak agama di dalam dunia ini dan kebanyakan daripadanya melarang akan yang jahat...kerana bahawasanya ugama Islam itu bersih dan suci daripada tiap-tiap ajaran yang menzahirkan seperti menduakan tuhan dan lainnya." (Muhammad Yusuf Kenali, Bil. 8)

Hakikat sebenar adalah semangat jihad pada agama akan mempengaruhi manusia untuk beriktikad pada fahaman agama yang sebenar. Menzahirkan perbuatan beragama dengan cara betul akan dapat membezakan antara yang berakal dengan beriktikad secara membata tuli atas apa sahaja yang dikatakan atau yang biasa dibuat oleh orang lain (Za'ba 2018). Firman-Nya dalam surah al-Baqarah menyatakan bahawa:

"Dan apabila dikata kepada mereka itu:Ikutlah apa yang telah diturunkan Allah; maka jawab mereka: 'Tidak! Tetapi kami mengikut apa yang kami dapati dijalani oleh nenek moyang kami'. Ha, begitukah? Jikalau sekalipun nenek moyang mereka itu tidak menjalankan akal barang sedikit (dalam soal itu) dan tidak berada di atas jalan petunjuk (mereka ikut juga)?"(Surah al Baqarah 2:170).

Beginilah perihal masyarakat Melayu hanya akan memerhati secara tekun tanpa memikirkan apa yang dilakukannya walaupun mengetahui dengan sendiri bahawa bukan sebahagian daripada ajaran agama Islam. Za'ba menitikberatkan akal fikiran dalam setiap tegurannya kepada masyarakat Melayu bukan sahaja mengamalkan malah mengkehedaki akal untuk berfikir tentang sebab dan akibat jika mentaati amar makruf nahi mungkar(Za'ba, 2018). Sememangnya idea yang diketengahkan Za'ba melangkaui zamannya akan tetapi meliputi aspek kehidupan seharian sebagai seorang muslim baik pada zaman sebelum dan semasa zamannya, aturan dan kehidupannya akan tetap sama sehingga pada hari kiamat. Maka tidak hairanlah Za'ba menekankan tentang kewajipan berpengetahuan agama kerana kehidupan beragama adalah satu ibadah yang wajib dilaksanakan dengan penuh keyakinan.

SUMBANGAN DALAM PENDIDIKAN

Leteran Pelajaran Agama Pada Umat Melayu

Pada setiap usaha Za'ba dalam memurnikan pendidikan bagi umat Melayu khususnya melalui majalah *Pengasuh* adalah satu tindakan yang idealis jika kita melihat kembali pada zamannya. Kecerdasan fikiran dan kesedaran pada pelajaran yang dimiliki oleh Za'ba membantunya untuk melakukan satu interpretasi yang bersifat progresif khususnya bagi bangsa Melayu yang masih ketinggalan dalam pendidikan (Sarwan, *et.al*, 2020). Sebaik sahaja Perjanjian Pangkor 1874 dimeterai, sistem pecah dan perintah mula diperkenalkan di Tanah Melayu memberikan satu impak besar kepada kelangsungan sistem pendidikan di Tanah Melayu. Ratifikasi daripada perjanjian inilah dilihat telah membebaskan bangsa Melayu untuk mendapatkan pelajaran yang lebih moden dan bersifat kemanusiaan. Terdapat tiga aliran sistem pendidikan di Tanah Melayu, iaitu sistem pengajian tradisional, sekolah aliran Melayu dan sekolah Inggeris. Pelajaran dalam sistem tradisional yang diajarkan melalui pondok, madrasah adalah dalam bentuk *informal* atau secara tidak langsung (Mahmud Zuhdi Hj. Abdul Majid, *et.al*, 2012) dan sukatan pelajaran berdasarkan kepada sistem pendidikan di Timur Tengah. Namun, Sultan Muhammad IV mengambil tindakan dengan memperkasakan sistem pentadbirannya dengan mewujudkan sistem pendidikan yang formal untuk rakyat di negeri Kelantan pada tahun 1903 (Abdul Rahman Al-Ahmadi, 2004). Berbeza dengan sistem pendidikan yang diperkenalkan oleh British apabila pembahagian sukatan pelajaran diasingkan berdasarkan kaum (Mohd. Zamberi Abdul Malek, 2021). Oleh hal yang demikian, Za'ba merasakan perlu dibangunkan semula satu sistem pendidikan dengan memberi keutamaan kepada bangsa Melayu. Namun masih terdapat dalam kalangan masyarakat Melayu yang bijaksana, cerdik dan boleh membaca dan menulis. Walaupun dikatakan mereka pada ketika itu lalai dari segi pelajaran dan kemahiran kerana lebih banyak menghabiskan masa dengan berseronok (Arba'iyah Mohd. Noor, 2009).

Penglibatan Za'ba dalam majalah *Pengasuh* cukup sinonim dengan laras bahasa yang penuh dengan ketertinggian makna, nasihat dan teguran kepada bangsa Melayu supaya sedar akan pentingnya pendidikan. Fahaman sempit mengenai pendidikan adalah salah satu penyakit bagi bangsa Melayu yang memerlukan penawarnya iaitu ilmu pengetahuan (Muhammad Yusuf Kenali, Bil.12). Za'ba berpendapat bahawa masyarakat di Tanah Melayu lebih gemar untuk mengerjakan pekerjaan pada hakikat agama mengenai amal baik dan amal jahat. Jika mereka menelusuri sejenak mengenai tuntutan agama Islam, konsep sosialisme dan agama itu adalah selari. Konsep *ad-din* (الدين) dalam agama jelas menyatakan bahawa setiap manusia sama disisi Tuhan melainkan ketakwaannya. Dalam konteks pendidikan, konsep *ad-din* (الدين) tidak dipraktikkan oleh ibu bapa kepada anak-anaknya. Stereotaip menebal pada kedudukan atau jantina adalah antara faktor dominan pelajaran bagi bangsa Melayu tidak mendapat tempat dalam masyarakat Melayu. Kesedaran yang kurang terhadap pendidikan dan kekangan daripada pengalaman menyebabkan adanya jurang perbezaan dalam penerimaan pendidikan mengikut kaum di Tanah Melayu (Sarwan, *et.al*, 2020). Za'ba melalui dalam majalah *Pengasuh* menegaskan bahawa: “di sekolah-sekolah dan kolej-kolej Melayu, sesungguhnya tiadalah suka bahawa sebanyak masa bagi belajar barang sesuatu pelajaran itu ialah masa kecil” (Patriot, *Pengasuh* Bil.21).

Penekanan pada aspek pelajaran agama telah dibuktikan dalam penulisan Za'ba bahawa pendidikan menjadi sebahagian daripada tuntutan agama serta demi kelangsungan mengikut kemajuan tamadun. Teguran ini memfokuskan kepada segelintir masyarakat yang konservatif terhadap penerimaan baharu mengenai pendidikan. Pendidikan pada hemat Za'ba merupakan sebuah jalan selamat bagi orang Melayu untuk memajukan diri daripada sikap yang sentiasa reda dengan ketentuan Tuhan atas segala kejadiannya. Dalam agama Islam, Allah S.W.T telah menentukan undang-undang dalam mengubah perkara atau keadaan manusia daripada tidak baik kepada baik dan sebaliknya dalam surah *al-Ra'ad*, Allah berfirman dalam ayat yang membawa erti: "Bahawa sesungguhnya Allah Taala tidak akan mengubah apa apa keadaan yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka sendiri mengubah apa-apa keadaan yang ada pada diri mereka" (Surah al-Ra'ad 13:11).

Sedia mengetahui bahawa al-Quran memerintahkan setiap manusia untuk membangunkan diri dengan kemajuan ilmu baik dalam ilmu agama mahupun kemanusiaan. Dengan memajukan diri melalui pendidikan maka kesejahteraan ummah manusia akan dapat dipelihara daripada kejahilan amalan dan tradisi yang diamalkan secara bertaklid. Walau bagaimanapun, perihal Za'ba dalam membangunkan pendidikan di Kelantan turut menyentuh pada aspek kemanusiaan yang menjadi titik tolak kepada kesungguhan seseorang Melayu untuk menaruh minat pada pelajaran. Aspek kemanusiaan merupakan satu kaedah yang dipraktikkan oleh Za'ba untuk menjadikannya relevan dalam memberikan gambaran yang lebih jelas berkenaan pendidikan. Syed al-Hadi juga turut menegaskan bahawa agama Islam menggemarkan manusia untuk belajar tentang segala ilmu yang terdapat di alam ini. Syed al-Hadi dalam kenyataannya menjelaskan bahawa:

"Tidak syak lagi segala ayat-ayat al Quran yang telah lalu menggemarkan manusia untuk memperhatikan segala kejadian-kejadian Tuhan yang sangat halus itu pada menggunakan akal nya bagi mempelajari segala kegunaan kejadian-kejadian Tuhan yang telah dilihatnya itu...bahkan yang demikian itu memanglah kehendak Tuhan di dalam agama Islam ini supaya tiap-tiap seorang yang beragama Islam itu kuat dan kukuh tauhidnya serta mempunyai jenis pelajaran, umpama Ilmu Jiwa, Ilmu Tubuh badan, Ilmu Kedokteran, Ilmu Falak" (Syed al-Hadi, 2017).

Kesan daripada perkembangan ilmu pengetahuan, negeri Kelantan antara negeri terawal yang mula mengembangkan pengajian agama Islam. Pada tahun 1917, madrasah al-muhammadiyah al-Kelantaniah berjaya menempatkan seramai 40 orang yang terdiri daripada kanak-kanak peranakan Kelantan (Pengasuh, Bil.4). MAIK bersama-sama Tok Kenali mula mengerah tenaga, usaha dan idea dalam merealisasikan pendidikan bersifat progresif yang mula digiatkan kepada rakyat Kelantan khususnya kanak-kanak (Pengasuh, Bil. 1). Zaba melihat dalam perspektif yang baharu bahawa pendidikan dengan kemanusiaan adalah selari berdasarkan konsep sosialisme, penelitian Za'ba adalah untuk mengetengahkan sifat Islam. Islam yang sebenar adalah sosialisme sebenar dan sosialisme sebenar adalah Islam yang sebenar (Ali Shariati, 2017).

Perkembangan pendidikan di negeri Kelantan membolehkan Za'ba berasimilasi dengan masalah dan kekurangan yang terdapat dalam pelajaran. Sumbangan Za'ba melalui majalah *Pengasuh* melalui idea dan ingatan memberikan satu impak yang sangat memberangsangkan khususnya kepada rakyat di negeri Kelantan.

Za'ba mengkritik British bahawa Sekolah Melayu di bawah seliaannya tidak ditekankan ajaran agama Islam sebaliknya pula hanya mementingkan pada pelajaran asas sahaja:

“sebenarnya ada dibuka satu cawangan pengajaran yang disebut “Kelas Quran” pada setengah daripada sekolah-sekolah Melayu yang ada mana yang dapat. Tetapi (dikecualikan sedikit tempat-tempat atau negeri-negeri yang tertentu) cawangan ini sebenarnya “Kelas Quran” semata-mata tiada lain dan ataupun hanya diadakan supaya jangan tidak sekali-kali kemunafikan yang keadaannya indah khabar dari rupa sahaja maka iaitu tiada diberati oleh kerajaan atau oleh siapa-siapa pun dan iaitulah diberati itu apabila diperhatikan”.(Patriot, *Pengasuh*, Bil.21)

Penekanan kepada ilmu agama seperti Pengajian Al-Quran dan tulisan Jawi telah digugurkan sebagai mata pelajaran wajib (Mohd. Zamberi Abdul Malek, 2021). Winstedt dalam dasarnya sengaja untuk menyekat perkembangan Islam dalam kalangan orang Melayu (Mohd. Zamberi Abdul Malek, 2021). Pandangan ini disokong oleh sarjana Mohd Zamberi Abdul Malek menyatakan bahawa dasar pendidikan Inggeris adalah untuk melahirkan guru-guru Melayu yang dapat mengajar sistem mata pelajaran berasaskan 3M bagi menghapuskan buta huruf (Mohd. Zamberi Abdul Malek, 2021).

Sistem pendidikan yang diperkenalkan oleh British adalah untuk memberikan pelajaran rendah bagi menghubungkan bidang pelajaran dengan persekitaran kehidupan anak-anak Melayu (Mohd. Zamberi Abdul Malek, 2021). Teguran Za'ba menjurus kepada kritikan sistem pendidikan yang diperkenalkan oleh R.O Winstedt cenderung dalam menyekat pembangunan agama Islam. Perbezaan pandangan antara Winstedt dengan Za'ba tidak menghalangnya untuk menyeru orang Melayu supaya menuntut ilmu pengetahuan walaupun tidak disediakan pelajaran agama di sekolah Inggeris seperti mana yang ditegaskannya:

“maka bangunlah sekalian orang-orang Islam dan orang-orang Melayu yang berpakaian dengan agama Islam mengatakan kepalanya hal keadaan dengan pandangan yang dihasut dan terjang-terjang. Kerana sanya semua mereka itu mengetahui akan kejahilan berbuat demikian. Tetapi kasihan! Setengah daripada bilangan mereka itu terpedaya ia dan tersalah sangka pada harapan mereka itu anak-anaknya itu juga dihantarkan kesekolah-sekolah Inggeris yang dimasyhurkan adapadanya pelajaran agama maka sambil bersekolah itulah kelak ia mendapat pelajaran agama Islam dan juga tidak demikian maka kemudian-kemudian pun boleh juga ia belajar (Quran/agama Islam itu daripada perkara yang sangat mudah!!” (Patriot, *Pengasuh*, Bil.22).

Za'ba cuba untuk menghapuskan stereotaip orang Melayu berkenaan sistem pendidikan Inggeris, walaupun tidak setuju dengan pengenalan sistem pendidikan Inggeris namun Za'ba

menyokong usaha British untuk memajukan masyarakat Melayu. Pandangan ini disokong oleh Syed Syeikh al-Hadi yang menyarankan agar orang Melayu mengambil nilai-nilai yang baik daripada tamadun Barat dengan mengetepikan nilai-nilai buruk yang tidak bersesuaian dengan budaya dan ajaran agama Islam (Talin Samat, 1992). Pendidikan berkualiti haruslah disesuaikan mengikut perkembangan tamadun dan perkembangan institusi keagamaan di Tanah Melayu. Pemikiran yang sempit mempengaruhi masyarakat Melayu berkenaan pendidikan yang telah dibangunkan oleh pihak Inggeris. Pada naratifnya, pendidikan di Kelantan amatlah baharu lagi dengan sistem pendidikan yang diperkenalkan oleh British, dan ini akan dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan umum tentang etika cara kerja yang lagi baik dalam pertanian mahupun tadbir urus dalam pentadbiran. Dalam masa yang sama Za'ba menempis pemikiran yang suka terburu-buru tanpa mengetahui tentang apa yang bakal dilaluinya kelak, walaupun dalam pendidikan sikap terjang yang dinyatakan oleh Za'ba adalah perangai yang kebiasaannya diamalkan oleh masyarakat Melayu sama ada dalam memahami agama mahupun untuk menerima pendidikan yang baharu dibawa masuk dari dunia luar. Za'ba meyakini bahawa agama Islam dan pendidikan saling berkait dan memerlukan antara satu sama lain dalam menyeimbangkan fahaman dan dapat membezakan antara amalan yang memberi keuntungan dan kemudaratannya pada kesihatan mental. Melalui pendidikan dan agama minda terasuh untuk lebih meneliti tentang perkembangan kepada individu, masyarakat dan bangsanya sendiri.

Dalam masa sama, Syed Syeikh al-Hadi turut menyarankan umat Islam supaya mendalami ilmu pengetahuan dan ilmu sejarah Islam (Talib Samat, 1992) sepertimana teras keislaman sebenarnya datang daripada sejarah. Sejarah dengan Islam saling berkait dan perlu ditekankan kedua-duanya supaya masyarakat Melayu dapat mengambil teladan daripada peristiwa lalu. Za'ba mengambil berat tentang perkembangan pendidikan seperti yang ditegaskan:

“apabila sudah khatam pengajiannya sebanyak yang diberi disitu, maka oleh sebab ketiadaan kitab dan ini maka tiadalah pernah berperiksa apa-apa pelajaran “kelas Quran” itu. Maka hanya sedikit sahaja tempat-tempat dalam semenanjung ini terkecuali sedikit daripada kekurangan yang lima ini atau salah satu daripadanya”(Patriot, Pengasuh, Bil 21.).

Daripada pemerhatiannya, Za'ba memerihalkan bahawa masyarakat Melayu agar meneruskan pengajian agama Islam dengan lebih mendalam tanpa mengharapkan daripada sistem pendidikan yang disediakan dengan kadar yang begitu terhad pengajiannya. Sistem pendidikan di Tanah Melayu tidak menitikberatkan tentang pengajian agama Islam sebagai teras pendidikan dan hanya memberi pengajian secara berperingkat sebagai asas kepada pengajian di sekolah. Sebagai daya tarikan, Za'ba memberi penegasan kepada masyarakat Melayu untuk menggalakkan ibu bapa untuk menghantar anak ke sekolah aliran Inggeris namun sepertimana tanggapan ibu bapa Melayu bahawa akan di kristiankan oleh mubaligh jika menghantar anak mereka belajar di sekolah Inggeris hanyalah sebahagian daripada persepsi naratif sosial. Za'ba menilai bahawa pendidikan yang berkualiti sepatutnya disertakan dengan kehendak kemajuan zaman selaras dengan tuntutan agama Islam untuk memajukan diri dengan ilmu pengetahuan dengan sebaiknya. Kesesuaian masyarakat Melayu dengan semangat

kekitaan masih lagi rapuh disebabkan persepsi sosial daif pada sekolah aliran Inggeris. Hal ini disertakan dengan sebab mengapa masyarakat Melayu mempunyai stereotaip yang tinggi pada sekolah aliran Inggeris:

The problem was, the Kaum Muda ideas were in contrast with common ideas amongst Muslim in Southeast Asia. They tend to forbid learning general knowledge to the colonizer school since the teachers were not Muslim. They believed that knowledge learnt from non Muslim were not allowed according to Islamic rules (Sarwan, et.al, 2020).

Akal dan fikiran tajam Za'ba mengkritik masyarakat Melayu dalam hemat lembut dan teguran lantang memaksa Melayu untuk menerima idea baharu mengenai pendidikan, bahawa tiap-tiap aliran sekolah akan mengehendaki mereka belajar pada benda baharu dan sesekali tidak akan mengubah iman seseorang jika iktikad mereka hanya pada yang Maha Esa. Za'ba memberi peringatan kepada segenap lapisan masyarakat tentang pelajaran agama Islam pada umat Melayu di Kelantan: “di kampung-kampung apabila berpaling kita kepada am umat Melayu dan kita tilik apa ugama yang dakunya maka segeralah kita khudrat tuhan oleh kerana telah dibahagikannya akan dia dengan ugama Islam iaitu ugama yang sebenar yang dikehendaki pada sisi Allah Taala dan yang diaku-Nya akan dia” (Patriot, Pengasuh, Bil. 20). Majoriti masyarakat Melayu beragama Islam dan mengaku dengan sebenar-benarnya, akan tetapi Za'ba cuba mengaitkan masyarakat Melayu antara kewajiban berpengetahuan agama dengan kewajiban berpengetahuan dengan ilmu kemanusiaan dan bagaimana sikap masyarakat Melayu mengutamakan ilmu pengetahuan seperti pentingnya keberadaan agama Islam di sisinya. Sikap inkuiri yang tinggi mendorong seseorang untuk menggunakan akal-akal fikirannya bagi memahami ajaran agama Islam (Za'ba, 2018). Allah telah berfirman di dalam al-Quran: “kata-kata umpamaan itu Kami perbuatkan bagi manusia dan yang boleh menangkap maksudnya dengan akal mereka tiada lain melainkan orang-orang yang berilmu sahaja” (Surah al-Ankabut, 29:43).

Melalui firman-Nya menuntut manusia supaya memanfaatkan akal fikiran ke arah kebaikan melalui pelajaran sebagai salah satu kaedah yang sesuai untuk berkembang manjadi manusia yang berguna pada diri, bangsa dan agama.

Kelebihan Bertanam dan Berhuma

Zaba meneliti dan memerhati setiap sudut yang dapat memberi pengetahuannya kepada masyarakat Tanah Melayu melalui pendidikan. Sebahagian elemen pendidikan yang ditekankannya adalah melalui kegiatan bertani. Zaba menegaskan bahawa pekerjaan bertanam dan berhuma ini adalah pekerjaan paling mulia di sisi tuhan selain dapat meningkatkan pengetahuan dalam aktiviti pertanian:

“orang yang nakal dan juga diketahui oleh segala manusia akan segala amal mereka itu kerana bahawasanya mereka itu bekerja sekaliannya pada kehidupan makhluk Allah Taala maka Allah Taala menjadikan bertanam itu atas segala anbiya dan erti usaha Nabi Adam dan Nabi Idris dan Nabi Musa dan Nabi Daud

alaihim assalam dan apabila dimakan oleh barang daripada tanaman dan mendoa ia bagi yang mempunyai Allah bagi yang nakal dan dimasukkan dia pada syurga sabda Nabi Sol্লাlahim Wassalam bermula orang yang menuntut ilmu ini hisab Allah dan orang yang berperang Sabil itu wali Allah dan orang yang nakal itu sidik Allah” (Patriot, Pengasuh, Bil.23).

Bahawa setiap pekerjaan yang dilakukan haruslah dimulakan dengan ilmu pengetahuan untuk memangkinkan hasil yang dituai. Pekerjaan yang dilakukan jika mempunyai niat yang baik pasti akan dikasihi oleh Allah S.W.T dengan rahmat dan berkatnya. Keterangan Za’ba melalui penceritaan kisah para Nabi dan para anbiya adalah untuk memberi peringatan bahawa pendidikan yang diperolehi walaupun dalam bentuk ilmu kemanusiaan lebih bernilai di sisi Tuhan daripada tidak menuntut sedikitpun ilmu pengetahuan baik untuk kegunaan sara hidup atau secara besar-besaran. Amalan bertanam dan berhuma bukannya amalan masyarakat Melayu seperti yang didakwa oleh Barat. Sebaliknya Za’ba mengangkat amalan bertanam dan berhuma sebagai pekerjaan terbaik apabila pekerjaan tersebut dikerjakan oleh para Nabi yang menjadi contoh terbaik kepada masyarakat Melayu untuk berbakti kepada tanah tanpa memikirkan nilai pekerjaan yang dilakukan. Kelebihan bertanam dan berhuma menjadi satu intipati Za’ba untuk merealisasikan pembangunan masyarakat Kelantan dalam pendidikan, sistem masyarakat Kelantan lebih dominan dalam pertanian yang membolehkan Za’ba mengamalgamasikan budaya ekonomi dengan pendidikan yang diperkenalkan oleh British di Kelantan. Selari dengan hasrat British untuk memajukan bangsa Melayu dalam pendidikan, Za’ba meneliti tentang kerajinan masyarakat Melayu untuk bekerja dalam bidang pertanian, pertukangan membolehkan masyarakat faham akan makna pendidikan yang sebenarnya.

SERUAN

Za’ba tidak pernah berhenti daripada menyeru semangat jihad masyarakat Melayu untuk menimba ilmu pengetahuan. Seruannya:

“Ayuhai anak-anak bumi tua dan muda yang baru. Pelajaran! Jika ada kamu daripada bilangan mereka yang berdukacita kerana keunduran bangsanya dan negerinya dan ugamanya dan jika ada kamu daripada mereka-mereka yang mengetahui dan segala ehwal dan sebab-sebab keunduran itu maka bersegeralah kamu amati baik-baik akan perkataan surat di atas itu. Sanya ialah perkataan yang terbaik daripada fikiran seseorang daripada anak-anak bumi barat yang ada diantara kita sekarang ini. Maka dimanakah kedudukan Melayu pada seruannya itu? Dan dimanakah kedudukan ugama Islam dan bahasanya dan pelajarannya? Tiada akan dapat kita masuk majlis padanya itu kelak jika tiada kita kuathir dengan sebarang daya upaya kita sendiri” (Patriot, Pengasuh, Bil.18).

Pada akhir pesannya menitipkan satu pesanan bahawa jika masyarakat Melayu tidak cuba untuk berfikir sejenak mengenai perihai bangsanya sendiri maka satu malapetaka yang akan menimpa mereka sehinggakan penjajah Inggeris akan dapat mewarisi segala khazanah alam malah menutupi segala cabang-cabang yang memungkinkan untuk bercambahnya bibit-

bibit nasionalisme dalam menuntut pembangunan agama Islam dan hak untuk pendidikan bagi bangsa Melayu. Jika masyarakat Melayu tidak berfikir dengan akal yang telah dikurniakan oleh Tuhan maka rugilah bangsa Melayu dalam mendapatkan kepentingan untuk membangunkan agama Islam dan memugarkan kembali pendidikan dalam bentuk keagamaan dan kemanusiaan ke tahap yang lebih tinggi. Sebab-sebab utama mengapa mundurnya masyarakat Melayu kerana pengharapan besar pada ketentuan Tuhan sehinggakan tidak menginginkan pada usaha untuk memajukan diri meskipun adanya usaha-usaha islah yang telah digiatkan pada ketika itu. Za'ba memikirkan bahawa dengan pelajaran sahaja akan dapat menyediakan jalan keselamatan bagi bangsa Melayu khususnya di negeri Kelantan untuk terus berkembang dan menyesuaikan diri mengikut perkembangan tamadun serta cabaran dalam mendepani perspektif untuk menjadi sebuah bangsa yang maju.

ANALISIS

Humanisme

Penerapan idea *humanisme* dalam setiap perbuatan dan tulisan yang dilakukan oleh Za'ba lebih bersifat progresif. Pemerhatian secara berfokus dalam aspek keagamaan dan pendidikan membolehkan Za'ba mengasimilasikan setiap fenomena atau amalan tradisi pada sisi sosial masyarakat Melayu mampu diterjemahkan dalam penulisannya melalui majalah *Pengasuh*. Majalah *Pengasuh* cukup sinonim dengan masyarakat Melayu di negeri Kelantan. Sebab utama majalah diterbitkan adalah untuk memberi keyakinan kepada masyarakat Melayu dalam memupuk amalan membaca selain saranan 3M daripada kerajaan British semasa pengenalan sistem pendidikan. Perjuangan Tok Kenali bersama Za'ba dilihat begitu memberi nilai tambah dalam idea *humanisme* baik dalam akhlak dan sosial.

Keberadaan idea *humanisme* tidaklah begitu popular pada zamannya, namun pegangan kuat ideanya bersama agama Islam memberi satu perspektif yang lebih jelas bahawa setiap perbuatan itu disusuli bersama dengan akhlak yang baik. Penerapan idea humanisme oleh Za'ba melalui penulisan sastera dan bahasa. Za'ba lebih gemar memikirkan hal-hal yang dirasakan penting baginya walaupun tidak kepada masyarakat Melayu, penelitian seperti makna Melayu dan agama Islam menjadi satu persoalan asas untuknya dalam memahami leluhur sebenar masyarakat Melayu. Pembangunan agama Islam yang berlaku di Kelantan menjadi sebab utama Za'ba mengetengahkan persoalannya dalam bentuk teguran dan nasihat supaya akan ada masyarakat memahami sisi-sisi Islam tanpa mencampurkan budaya dan adat resam baik dalam keagamaan dan pendidikan. Penulisannya bersandarkan kepada ayat al-Quran dan hadis, memberikan satu teguhan kepada setiap penjelasan yang cuba dikemukakan baik dalam teguran atau pandangan. Al-Quran dan hadis merupakan sumber primer bagi Za'ba menjelaskan mengapa perlunya pendidikan dalam agama Islam. Sungguhpun dalam kebanyakan hasil tulisan Za'ba lebih bersifat nasihat dan teguran, semangat jihad yang menyeru kepada perjuangan akal fikiran, reformasi pendidikan, menghindarkan anarkisme dalam sosial budaya turut serta dalam perjuangannya. Asasnya pada agama Islam yang meletakkan konsep *ad-din* (الدين) sebagai rujukan utama dalam strata sosial Melayu meskipun ramai yang menafikan hak kesamarataan terutamanya bagi emansipasi wanita.

Dalam suatu tulisan Za'ba menegaskan "bahawasanya agama Islam bersih dan suci daripada tiap-tiap ajaran yang menghampirkan seperti menduakan akan tuhan dan lainnya" (Patriot, Pengasuh, Bil. 19). Meletakkan budaya dan adat resam sebagai sebahagian daripada ibadah yang dilakukan akan mencabar iktikadnya terhadap Islam. Pemahaman yang sempit mengenai teologi menyukarkan masyarakat Melayu untuk memahami sisi-sisi benar agama. perkara abstrak dan nyata adalah suatu dimensi pemahaman berbeza untuk dijelaskan secara fizikal. Pendekatan Za'ba melalui penulisan mampu menterjemahkan persoalannya kepada masyarakat bahawa teologi harus didekati melalui setiap amalan seperti solat, puasa, pendidikan dan dipraktikkan sepanjang hayat. Hubungan *bilateral* antara agama dan pendidikan adalah asas utama kepada *humanisme* membolehkan Za'ba mengetepikan hubungan strata sosial sepenuhnya dengan menumpukan kepada perihal sosial Melayu. Pembangunan agama Islam di negeri Kelantan antara tahun 1918-1919 lebih berstruktur dan sistematik dalam setiap dakwah dan penyebaran idea-idea progresif yang lantang dengan nasihat bersandarkan al-Quran dan hadis.

Sosialisme

Menurut Ali Shariati Islam yang sebenar adalah sosialisme dan sosialisme sebenar adalah Islam yang sebenar (Ali Shariati, 2017). Pegangan konsep sosialisme yang diketengahkan oleh Za'ba adalah berpaksikan kepada perihal sosial Melayu yang dirasakan bermanfaat jika digunakan sepenuhnya kelebihan dan anugerah yang dikurniakan oleh Tuhan. Penelitian Za'ba berfokus kepada aspek pendidikan, agama, ekonomi dan sosial masyarakat Melayu di negeri Kelantan. Aktiviti ekonomi utama masyarakat Melayu di Kelantan lebih kepada pertanian seperti padi, pinang, kelapa dan sayur-sayuran dan penternakan seperti lembu yang diusahakan secara besar-besaran pada abad ke-19 yang menjadi sumber pendapatan utama mereka (Uqbah Iqbal, Nordin Hussin, Ahmad Ali Seman, 2015). Kelebihan sumber alam semulajadi dimanfaatkan sepenuhnya oleh Za'ba untuk memerihalkan tentang kelebihan bertanam dan berhumana (Patriot, Pengasuh, Bil.23).

Pendekatan sosialisme Za'ba berjaya mempengaruhi pemikiran masyarakat Melayu dengan penekanan sifat kita dalam setiap individu dan masyarakat. Sifat kita menjurus kepada sifat berusaha, bekerja dan berbuat sendiri sesuatu kewajipan dengan penuh percaya akan kebolehan sendiri, bersamaan tentang hal-hal dunia dan hal-hal agama (Za'ba, 2018) kekurangan sifat kita dalam sosial Melayu menyebabkan fungsinya menjadi rapuh sebagai kesatuan ummah Islam yang merdeka pada identiti, diri, dan agama. Penekanan identiti diri dalam sosialisme selari dengan kehendak agama bahawa kemajuan sesuatu kaum bergantung pada perangai diri sendiri. Kehendak untuk berjaya dan mundur bergantung pada diri sendiri yang mana akan menggerakkan kepada kemajuan atau sebaliknya. Maka Za'ba mengetengahkan salah satu kelebihan bertani dan berhumana sebagai elemen sosialisme bahawa balasan pahalanya diibaratkan sama seperti kerja para anbiya (Patriot, Pengasuh, Bil.23). Hal ini tidak sedikit berjaya mempengaruhi pendirian masyarakat Melayu kerana sektor utama ekonomi masyarakat Melayu adalah pertanian dan penternakan.

Sifat kita yang dimaksudkan oleh Za'ba lebih menjurus kepada struktur sosial berdasarkan kepada pemerhatiannya bahawa pada hampir semua perkara yang agak berat sedikit kita masih suka berharap, berkehendak kewajipan-kewajipan kita itu dikerjakan atau

ditolongbuatkan oleh pihak yang berkuasa dan oleh Tuhan Yang Maha Kuasa dan kita sendiri suka merasa dan mengaku kita lemah(Za'ba, 2018). Penelitian menyeluruh Za'ba pada sosialisme Melayu tidak sedikit memberi kesan kepada kemajuan tamadun yakni keyakinan yang disandarkan pada agama Islam tidak sepenuhnya ditelaah dengan daya usaha kerja yang dilakukan. Mengharapkan pada sesuatu abstrak melebihi pada kemampuan diri sendiri adalah salah satu amalan dalam pengharapan yang dipraktikkan oleh masyarakat Melayu. Allah berfirman:

“Wahai orang-orang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi kerana Allah biarpun terhadap diri kamu sendiri atau ibu bapa dan kaum kerabatmu. Kalaupun orang (yang didakwa) itu kaya atau miskin Maka janganlah kamu terhalang menjadi saksi yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbang rasa, kerana Allah lebih bertimbang rasa kepada keduanya. Oleh itu, janganlah kamu turutkan hawa nafsu kerana ingin menyimpang dari kebenaran. Dan jika kamu memurtar-balikkan keterangan ataupun enggan menjadi saksi, maka ketahuilah Allah Maha sentiasa Mengetahui dengan mendalam apa yang kamu lakukan”(Surah an-Nisa' 135).

Bahawa apa yang diperjuangkan oleh Za'ba selari kehendak al-Quran dengan menegaskan pahala dan dosa mahupun dalam bentuk ganjaran terus daripada Tuhan. Betapa pentingnya prinsip keadilan dalam Islam seperti yang dinyatakan dalam Surah an-Nisa'. Keadilan dalam kehidupan adalah satu pegangan yang patut dinormakan oleh masyarakat Melayu. Sosialisme adalah salah satu pendekatan yang menekankan tentang prinsip keadilan baik dalam amalan beragama, pekerjaan, pendidikan dan hubungan sosial. Pada akhirnya jika amalan sosialisme dipraktikkan akan memberi satu taraf yang sama kepada semua masyarakat Melayu khususnya masyarakat negeri Kelantan tanpa membezakan pada setiap pekerjaan, pendidikan dan hubungan sosial.

KESIMPULAN

Pembangunan agama Islam dan pendidikan di negeri Kelantan sememangnya telah bermula pada peringkat lebih awal pada abad ke-17 dan diteruskan oleh pemerintah yang menginginkan kepada perkembangan agama dan pendidikan selari dengan kemajuan tamadun. Pada awal abad ke-20 sebaik sahaja Majlis Ugama dan Adat Istiadat Negeri Kelantan (MAIK) dirasmikan maka tumpuan utama adalah pada pembangunan agama Islam dan pendidikan sebagai asas untuk memupuk semangat kepada cintakan ilmu pengetahuan. Pemikiran yang diterjemahkan oleh Za'ba dalam bentuk *humanisme* dan *sosialisme* membolehkan Za'ba meneliti setiap aspek yang ingin dikaitkan dengan pembangunan agama Islam dan pendidikan di negeri Kelantan melalui majalah *Pengasuh* adalah salah satu kaedah yang terbaik untuk diperjelaskan kepada masyarakat Melayu tentang Islam yang sebenar. Penelitian yang khusus tentang aktiviti utama masyarakat Melayu dapat dirumuskan secara harmoni dan jelas oleh Za'ba melalui teladan kisah para sahabat, nasihat dan akibat jika tidak mengamalkan agama dengan cara yang betul. Za'ba mempunyai nilai humanisme yang mendalam mengenai agama dan pendidikan dalam

memberikan satu gambaran bahawa setiap pekerjaan yang dilakukan akan memberi satu pulangan besar kepada mereka yang mengamalkan aturan dan larangan dengan mematuhi segala yang telah ditetapkan oleh Tuhan. Kehidupan beragama akan menjadi lebih sistematik jika masyarakat Melayu mendahulukan hakikat beragama dan meninggalkan segala amalan yang tidak bersangkutan dengan perkara yang dilarang dalam Islam. Pendirian elemen *humanisme* dan *sosialisme* menjadi nadi utama Za'ba untuk memerihalkan segala kaitan agama dengan cara kehidupan Islam berlandaskan konsep *ad-din* (الدين).

RUJUKAN

- Abdul Rahman Ahmadi, (2004). *Abdul Kadir Adabi dan Asaad Shukri: Suatu Perbandingan*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Ali Shariati, (2017). *Agama Lawan Agama*, Terjemahan Ahmad Nabil Amir, Islamic Renaissance Front Berhad,
- Arba'iyah Mohd Noor, (2009). Perkembangan Pendidikan Sejarah di Malaysia dari Zaman Tradisional ke Zaman Moden, *Jurnal Sejarah*, 17, 46-6.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid, et.al, (2012). *Puri Kencana: Kecemerlangan Satu Abad*, *Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Mohd. Yusoff Kenali, 1918. Kemajuan Bangsa Melayu, *Pengasuh* 19 Disember, 1-2.
- Mohd. Zamberi Abdul Malek, (2021). *Sir Rirchard Olaf Winstedt: Orientalis atau Sarjana*, Penerbit Univesiti Pendidikan Sultan Idris: Cetakan Ketiga.
- Muhamad bin Said, 1918. Madrasah al-Muhammadiyah, *Pengasuh*, 11 Julai, 7-8.
- Muhamad Yusuf Kenali, 1918. Menuntut Kemuliaan dan Kemenangan, *Pengasuh* 20 Oktober, 1-4.
- Patriot, 1919 Leteran Pelajaran Agama pada Umat Melayu, *Pengasuh* 30 Mei, 5-6
- Patriot, 1919. Kelebihan Bertanam dan Berhuma, *Pengasuh* 30 Mei, 4.
- Patriot, 1919. Kewaijpan Berpengetahuan Ugama, *Pengasuh* 1 April, 2-5.
- Patriot, 1919. Leteran Pelajaran Agama Pada Umat Melayu. *Pengasuh*, 15 April, 3-6.
- Patriot, 1919. Leteran Pelajaran Ugama pada Umat Melayu. *Pengasuh* 1 May, 1-5.
- Patriot, 1919. Seruan. *Pengasuh* 17 Mac, 1-4.
- Patriot, 1919. Leteran Pelajaran Agama Pada Umat Melayu, *Pengasuh* 15 May, 1-5.
- Rosnani Hashim, (2021). *Memugar Semula Tradisi Intelektual di Alam Melayu*, IIUM Press: Kuala Lumpur.
- Sarwan, Mansoureh Ebrahimi, Kamaruzaman Yusoff, (2020). Al-Imam Magazine (1906-1908): The Study of Kaum Muda's Thought on Islamic Education Renewal in Southeast Asia, *Journal of Critical Reviews* ISSN- 2394-5125 Vol 7, Issue 11, 500-503.
- Siti Zamirah Isa, Che Ibrahim Haji Salleh, (2014) Pemikiran Za'ba dalam membentuk Jati Diri Melayu, *International Journal of the Malay World and Civillisation (IMAN)* 2(2), 21-29.
- Syed al-Hadi, (2017). *Ugama Islam dan Akal*, Malaha Press.
- Talib Samat, (1992). *Syed Syeikh al-Hadi: Sasterawan Progresif Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.

- Uqbah Iqbal, Nordin Hussin& Ahmad Ali Seman, (2015). Sejarah Perkembangan Ekonomi Semenanjung Tanah Melayu dan Sifat Ekonomi Masyarakat Melayu Pra-Kolonial, *International Journal of the Malay World and Civillisation* (IMAN), 3(2), 95-119.
- Za'ba, (2018). *Perangai Bergantung Pada Diri Sendiri*, Edisi Khas, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.